

AGAMA DAN MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI (SDG): PERANAN RUMAH IBADAT DALAM KEBAJIKAN MASYARAKAT

RELIGION AND SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDGS): THE ROLE OF HOUSES OF WORSHIP IN SOCIAL WELFARE

***Mohd Nazmi Mohd Khalli**, *Mohd Farid Mohd Sharif**[®],**
***Noor Shakirah Mat Akhir**, *Norsofiah Abu Bakar**,**
Chow Yean Fun**, *Putra Sumari**

*School of Humanities. Universiti Sains Malaysia. 11800.
Pulau Pinang. Malaysia.

**School of Computer Sciences. Universiti Sains
Malaysia. 11800. Pulau Pinang. Malaysia.

Email:

[©faridusm@usm.my](mailto:faridusm@usm.my)

DOI:

<https://doi.org/10.22452/afkar.vol26no2.12>

Abstract

The issue of social welfare has become a global concern, as neglecting it can threaten human life. As a result, this concern led to the creation of a global declaration through the Sustainable Development Goals (SDGs), which outlines the desire for mutual peace for the welfare of society. In this context, religion is seen as having the potential to sustain social welfare in the long term. This study discusses the role of religion through cooperative practices by Islamic and non-Islamic houses of worship in social welfare. The research method employs descriptive textual analysis based on literature findings, focusing on four religions—Islam, Christianity, Buddhism, and Hinduism—along with their places of worship, such as mosques, churches, temples, and shrines. The study presents the religious perspectives and the history of places of worship in managing social welfare. Generally, these four religions emphasize the importance of social welfare. Therefore, the houses of

Article History:
Acceptance date: 11 Dec 2024
Available Online: 30 Dec 2024

Funding: This research was funded by the Ministry of Higher Education (KPT) under the FRGS grant:
FRGS/1/2022/SSI13/USM/02/10

Competing interest: The author(s) have declared that



©The authors (2024). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>) which permits non-commercial reuse, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited.

worship in these religions expand their roles, not only as centers of worship but also as spaces for the community to access welfare. These findings are supported not only by religious sources but also by historical records, which show that the cooperation between places of worship can continuously elevate social welfare. Thus, this study contributes to the field by advocating for houses of worship as welfare institutions for the benefit of society.

Keywords: Cooperation practice; functions of houses of worship; social welfare; Sustainable Development Goals (SDGs).

Khulasah

Persoalan kebajikan masyarakat menjadi perhatian sejagat kerana pengabaian terhadapnya boleh mengancam kehidupan manusia secara keseluruhan. Oleh itu, perhatian ini mendorong terhasilnya deklarasi global melalui Sustainable Development Goals (SDGs) yang menggariskan hasrat untuk mencapai keamanan bersama demi kebajikan masyarakat. Dalam konteks ini, agama dilihat berpotensi untuk memelihara kebajikan masyarakat secara berterusan. Kajian ini membincangkan peranan agama melalui amalan kerjasama rumah ibadat Islam dan bukan Islam dalam kebajikan masyarakat. Kaedah yang digunakan adalah analisis tekstual deskriptif yang bersumberkan kajian kepustakaan, dengan tumpuan kepada empat agama, iaitu Islam, Kristian, Buddha, dan Hindu, serta rumah ibadat seperti masjid, gereja, tokong, dan kuil. Kajian ini juga mengemukakan perspektif agama dan sejarah rumah ibadat dalam pengurusan kebajikan masyarakat. Secara umum, keempat-empat agama ini menekankan kepentingan kebajikan masyarakat. Oleh itu, rumah ibadat agama-agama ini melebarkan fungsinya, bukan sahaja sebagai pusat penyembahan, tetapi juga sebagai ruang untuk masyarakat memperoleh kebajikan. Dapatkan ini dibuktikan melalui sumber agama dan sejarah, yang menunjukkan bahawa amalan kerjasama

antara rumah ibadat mampu memartabatkan kebajikan masyarakat secara berterusan.

Kata kunci: Amalan kerjasama; fungsi rumah ibadat; kebajikan masyarakat; Matlamat Pembangunan Lestari.

Pendahuluan

Persoalan kebajikan masyarakat merupakan topik yang terus relevan dalam perkembangan dan kemajuan tamadun manusia. United Nation General Assembly (UNGA) telah melancarkan usaha menyokong keperluan kebajikan melalui Deklarasi Milenium pada tahun 1998. Pada September 2000, Perhimpunan Agung PBB (UNGA) yang mewakili 189 negara, sebulat suara menyokong Deklarasi Milenium, yang merangkumi lapan matlamat, 18 sasaran, dan 48 petunjuk yang dikenali sebagai Millennium Development Goals (MDGs). Kemudian, MDGs ini digantikan dengan Sustainable Development Goals (SDGs) yang menyasarkan 17 matlamat. Salah satu matlamat yang kekal dalam deklarasi tersebut adalah mengurangkan kadar kemiskinan yang boleh membawa kepada kebuluran, termasuk masalah keciciran pendidikan, kesihatan, keamanan, dan pelbagai isu lain yang berpotensi mengancam kehidupan masyarakat.

Meneliti cabaran ini, agama berperanan melalui amalan kerjasama rumah ibadat dalam mendepani realiti semasa berkait kebajikan masyarakat. Perihal ini sejajar dengan ajaran agama yang mendorong perilaku penganut untuk melakukan kebaikan dan kebajikan.¹ Malah, agama juga memotivasi tingkah laku berkebajikan individu kerana ketaatan beragama dapat meningkatkan keyakinan untuk melakukan kebaikan, baik untuk diri sendiri

¹ Ahmad Jamal, et al., “Motivations to Donate: Exploring the Role of Religiousness in Charitable Donations,” *Journal of Business Research* 103 (2019), 319-327.

mahupun untuk orang lain.² Tambahan pula, rumah ibadat berfungsi sebagai pusat atau institusi yang menyediakan khidmat kebajikan sebagaimana yang telah dibuktikan dalam beberapa kajian awal oleh Sharifah et al.,³ Abdul Rahman et al.,⁴ dan Mohd Nazmi dan Mohd Farid⁵ yang membincangkan amalan kerjasama masjid dalam kebajikan masyarakat. Selain itu, dapatan yang lebih pelbagai oleh Sheikhi et al. menemukan bahawa masjid, gereja, tokong dan kuil berperanan penting membantu kebajikan masyarakat.⁶

Walau bagaimanapun, amalan kerjasama rumah ibadat ini memerlukan perbincangan yang lebih mendalam berdasarkan perspektif agama dan fungsi rumah ibadat dalam memenuhi kebajikan masyarakat. Oleh itu, kajian ini bertujuan membincangkan amalan kerjasama oleh rumah ibadat dalam kebajikan masyarakat. Sebanyak empat agama dibincangkan iaitu Islam, Kristian, Buddha dan Hindu berserta rumah ibadat setiap agama tersebut.

² Juliyana Junaidi et al., "Revisiting Social Justice: Exploring the Quranic Paradigm in Addressing Contemporary Challenges," *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 25(2) (2023), 153-192.

³ Sharifah Norhafiza Syed Ibrahim et al., "Good Governance Practiced by the Malaysian Mosque Committees in Managing Mutual Benevolence: Member's Perception," *Journal of Fatwa Management and Research* 26(2) (2021), 50-62.

⁴ Abdul Rahman Ahmad Dahlan et al., *A Journey of Ta'awun (Cooperative Behaviour) in Edu-Action at IIUM Kitchen and Masjid al-Syakirin Gombak (MASG)* (Gombak: MESO Publishing, 2021).

⁵ Mohd Nazmi Mohd Khalli & Mohd Farid Mohd Sharif, "Masjid-based Disaster Management: How Masjids in Malaysia Support the Needy," *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities* 32(4) (2024), 29-46.

⁶ Sheikhi, Rahim Ali, et al., "Role of Religious Institutions in Disaster Risk Management: A Systematic Review," *Disaster Medicine and Public Health Preparedness* 15(2) (2021), 239-254.

Peranan Agama dalam Kebajikan Masyarakat

a. Islam

Dalam Islam kebajikan masyarakat dikaitkan dengan *al-falah* iaitu kemaslahatan yang menyeluruh dan seimbang antara sisi material dan rohani, individu dan sosial, serta kesejahteraan di dunia dan akhirat. *Al-falah* akan tercapai sekiranya keperluan asas dipenuhi secara seimbang yang sekali gus mewujudkan *maslahah*. *Maslahah* pula ialah segala bentuk keadaan - material dan bukan material - yang mampu meningkatkan kedudukan manusia. Menurut Badawi, *al-falah* dan *maslahah* membabitkan hak kebajikan masyarakat yang meliputi makanan, ilmu pengetahuan, dan kesihatan demi kelangsungan hidup yang sejahtera.⁷ Sejajar dengan pengertian tersebut, Islam memberi panduan kebajikan melalui lima teras *maqasid al-shari‘ah* yang merangkumi agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.⁸ Sebagaimana penjelasan al-Syatibi, *maqasid al-shari‘ah* merujuk kepada perintah Allah SWT yang telah menetapkan tujuan utama syariat-Nya dalam memberikan kebaikan (*maslahah*) kepada manusia sejagat dan mengelakkan sebarang kerosakan (*mafsadah*).⁹

Dalam memartabatkan kebajikan masyarakat, Islam memperkenalkan mekanisme amalan seperti zakat dan sedekah.¹⁰ Zakat ialah amal pemberian yang wajib dilaksanakan sebagaimana terkandung dalam rukun Islam keempat untuk diagihkan kepada golongan fakir dan

⁷ Ahmad Zaki Badawi, *Mu‘jam Mustalahat al-‘Ulum al-Ijtima‘iyyah* (Beirut: Maktabah Lubnan, New Impression, 1986).

⁸ Mustafa al-Zarqa’, *al-Madkhāl al-Fiqhi al-‘Am* (Damsyik: Dar al-Qalam, 1998), 1: 102.

⁹ Ibrahim ibn Musa al-Lakhmi al-Shatibi, *al-Muwafaqat fi Usul al-Shari‘ah* (Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2004), 24.

¹⁰ Barbara Ibrahim & Dina H. Sherif, eds., *From Charity to Social Change: Trends in Arab Philanthropy* (New York: American Univ in Cairo Press, 2008), 3.

memerlukan.¹¹ Manakala sedekah pula ialah pemberian suka rela yang tidak tertakluk dengan sebarang syarat tertentu demi kebaikan dunia akhirat si pemberi dan penerima.¹² Justeru, matlamat pelaksanaan mekanisme amalan ini sebagaimana yang dijelaskan al-Qaradawi, selain membantu golongan memerlukan, agihannya juga meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.¹³ Justeru, kebijakan masyarakat menurut Islam adalah berteraskan *maqasid al-shari'ah*, dan disampaikan melalui amalan zakat dan sedekah kepada yang memerlukan.

b. Kristian

Pandangan Kristian mengenai kebijakan masyarakat adalah berdasarkan konsep *charity* berlandaskan amalan Jesus yang prihatin terhadap nasib masyarakat terutamanya golongan miskin.¹⁴ Maka, amalan *charity* Jesus menjadi contoh ajaran kepada para pengikut untuk diikuti. Umumnya, *charity* dalam Bible membawa maksud berkebijakan, belas kasihan dan kebaikan.¹⁵ Secara khususnya pula *charity* merupakan satu tuntutan beragama dan anugerah Tuhan yang menyediakan peluang kepada pengikut untuk menjadi lebih baik kepada Tuhan,

¹¹ Abu al-Hasan 'Ali ibn Muhammad al-Mawardi, *al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayah ad-Diniyyah* (Kaherah: Dar al-Hadith, 2006), 200.

¹² al-Mawardi, *al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayah ad-Diniyyah*, 200.

¹³ Yusuf al-Qaradawi, *Fiqh al-Zakah: Dirasah Muqaranah li Ahkamiha wa Falsafatiha daw' al-Qur'an wa al-Sunnah* (Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 2000), 775.

¹⁴ A. A. Bykov, "The Origin of Christian Charity," *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 166 (2015), 609-615.

¹⁵ Renato Lima de Oliveira, "Differences between Welfare Support, Philanthropy and Charity," International Conference of the Society of St. Vincent de Paul, 2019, diakses pada 12 Julai 2024. <https://www.ssvpglobal.org/wp-content/uploads/2020/06/4.-Differences-between-Welfare-support-Philanthropy-and-Charity.pdf>.

masyarakat dan dirinya sendiri.¹⁶ Menurut Brown, *charity* mendorong penganut untuk prihatin terhadap keperluan orang miskin, sakit dan yang memerlukan. Malah pelaku dilihat bukan sahaja melaksanakan perintah Tuhan tetapi juga prihatin memahami keadaan masyarakat.¹⁷ Poe pula menjelaskan bahawa *charity* merupakan terjemahan daripada *love* yang membawa maksud mengasihi dan mengambil peduli nasib orang lain.¹⁸ Hubungan *charity-love* ini boleh dilihat melalui kenyataan Bible yang membenarkan orang miskin memungut gandum di ladang¹⁹ dan tuntukan seseorang untuk memberi makan kepada janda dan anak yatim.²⁰

Dalam konteks amalan khusus, kebajikan masyarakat dalam Kristian dilaksanakan berdasarkan *tithe*. *Tithe* bermaksud ‘persepuhluh’ merujuk peratusan hasil keuntungan untuk diberikan secara suka rela kepada yang memerlukan.²¹ Amalan ini dinyatakan dalam Old Testament yang merujuk kepada suatu pemberian khusus kepada gereja atau masyarakat yang memerlukan.²² *Tithe* tidak dinyatakan secara khusus dalam New Testament, namun teks-teks lebih menekankan saranan untuk memberi

¹⁶ Y. Ermolina, “The Principles of Charity in the Early Church,” *Religion in Ukraine*, 2014, diakses pada 12 Julai 2023. <http://www.religion.in.ua/main/history/>.

¹⁷ Peter Brown, *Poverty and Leadership in the Later Roman Empire* (Hanover, New Hampshire: Brandeis University Press, 2002).

¹⁸ Marry Anne Poe, “Good News for the Poor: Christian Influence on Social Welfare,” in *Christianity and Social Work*, eds. Hugen, B. & Scales, T., L. (Botsford, Connecticut: NACSW, 2008), 106.

¹⁹ Bible, Leviticus 19:9-10.

²⁰ Bible, Deuteronomy 14:28-29, 26:12.

²¹ Poe, “Good News for the Poor.”

²² Bible, Genesis, 14:20: “And blessed be the Most High God, which hath delivered thine enemies into thy hand. And he gave him [the Priest] tithes of all.”

(*giving* atau *offering*) kepada yang memerlukan.²³ Justeru, *charity* ialah sebuah konsep kebajikan, sementara *tithe* pula merujuk kepada amalan khusus yakni perbuatan memberi kepada yang memerlukan.

c. Buddha

Menurut ajaran Buddha, kebajikan berkait dengan konsep altruisme²⁴ dan belas kasihan. Ini sebagaimana yang dinyatakan dalam *Saddharma-pundarika Sutra*:

*“There is no peace in the triple world, just like in the burning house, which is full of various suffering, and which is extremely terrifying? There are always the sufferings. Of birth, old age, illness, and death. Such fires as this burn endlessly. The Tathagata, who has already left. The burning house of the triple world. Lives in tranquility. And dwells at ease in the forest. Now, this triple world is my property, And the sentient beings in it are my children. There are now many dangers here.”*²⁵

Merujuk petikan di atas, Gautama Buddha digelar sebagai ‘*Thagata*’ iaitu seorang ‘ibu’ kepada makhluk hidup. Dalam situasi ini, seorang ibu sangat ingin menghilangkan kesedihan dan penderitaan anak-anaknya. Maka, sikap belas kasihan dan altruisme menjadi asas kesejahteraan manusia di dunia.²⁶

Di samping itu, *thagata* juga berkait dengan *Srimala-simha-nada Sutra* yang mengajarkan realiti kesedaran

²³ Charles L. Feinberg, “Tithe,” in *The Zondervan: Encyclopedia of the Bible*, eds. Merrill C. Tenney & Moses Silva (Grand Rapids: Zondervan, 2009), 5: 758.

²⁴ Altruisme ialah hakikat mengambil berat tentang keperluan dan kebahagiaan orang lain lebih daripada diri sendiri.

²⁵ Kubo Tsugunari & Yuyama Akira terj., *The Lotus Sutra* (Berkeley: Numata Center for Buddhist Translation and Research, 2007), 76.

²⁶ Yung Dong, “An Overview of Social Well-being in Humanistic Buddhism,” *Hsi Lai Journal of Humanistic Buddhism* 5 (2004), 470.

tertinggi dan kesempurnaan dalam setiap makhluk hidup daripada kelekaan dunia. Sutra ini berbentuk ikrar yang dikarang oleh Srimala, seorang permaisuri yang mengabdiikan dirinya kepada *dhamma* (ajaran) Buddha. Dalam kesemua ikrar tersebut, ikrar keenam dan kelapan menepati konteks kebaikan masyarakat.²⁷ Ikrar keenam menyatakan, "*The Lord Buddha, from now on till my enlightenment, I will not collect any treasure for my own. And all my belongings will go to the poor and needy*" (Buddha, mulai sekarang hingga pencerahan saya, saya tidak akan mengumpul sebarang harta untuk diri saya sendiri. Dan semua milik saya akan diberikan kepada golongan miskin dan yang memerlukan)." Manakala ikrar kelapan pula, "*The Lord Buddha, from now on till my enlightenment, I will not escape from all sentient beings in lack of taking care. Besides, I will settle them down and eradicate their sufferings*" (Buddha, mulai sekarang hingga mencapai pencerahan, saya tidak akan meninggalkan semua makhluk hidup tanpa penjagaan. Sebaliknya, saya akan membantu mereka dan menghapuskan penderitaan mereka)."

Kedua-dua ikrar ini mementingkan aspek saling bantu-membantu menyampaikan kebaikan kepada manusia sama ada membelanjakan harta mereka kepada yang memerlukan, mahupun mereka yang sedang dalam penderitaan dunia seperti sakit, nazak ataupun uzur tua.

Dalam pelaksanaan kebaikan pula, Buddha memperkenalkan satu amalan dikenali sebagai *dana*. *Dana* adalah bahasa Pali yang membawa maksud amalan menderma (*almsgiving*) kepada mereka yang memerlukan.²⁸ Perkataan *dana* boleh dikatakan sebagai istilah lazim digunakan dalam konteks keagamaan Buddha

²⁷ Taisho Daizokyo terj., *Tipitaka* (Japanese edition of the Chinese Buddhist Canon) (t.t: t.p, 1924), 12: 217.

²⁸ Rudi Ananda Limiady, *Mengapa Berdana* (Klaten: Wisma Sambodhi, 2003), 1.

bagi menjelaskan konsep menolong, menyumbang, menawarkan, memberi dan menderma kepada yang memerlukan. Selain itu, *dana* juga didefinisikan sebagai *diyabeti danam* iaitu sesuatu yang telah diberikan, ataupun, *duggati dayati rakkati danam* iaitu si pemberi memperoleh perlindungan, keselamatan, dan kebebasan penderitaan atau kesukaran.²⁹ Dalam *Digha Nikaya*, *dana* ialah barang atau harta benda yang sesuai untuk ditawarkan.³⁰ Manakala *Anguttara Nikaya* menyatakan niat melakukan kebaikan juga dikira sebagai *dana*.³¹ Sehubungan dengan itu, kebajikan masyarakat menurut ajaran Buddha adalah berkonsep *thagata* Buddha dan ikrar Srimala, manakala *dana* pula adalah amalan khusus dalam melaksanakan kebajikan.

d. Hindu

Menurut ajaran Hindu, kebajikan berasaskan kepada kewajipan melaksanakan *dharma* sebagai tanggungjawab individu dan masyarakat. *Dharma* ialah satu ‘pegangan’ yang berkait rapat dengan suatu perintah mahupun adat yang memandu kehidupan dan alam semesta, termasuklah tingkah laku, ritual dan peraturan untuk manusia.³² Selain itu, *dharma* juga menjadi punca kuasa kepada semua kehidupan. Pegangan *dharma* inilah yang mengawal perbuatan melalui peraturan agama kepada pengikutnya untuk merasa prihatin dan cakna terhadap situasi semasa dan kehidupan sekeliling. Malah, mereka yang melakukan kebajikan sesuai dengan *dharma*-nya dianggap sebagai

²⁹ Abhiniko, “Dana,” in *Nirkala*, Mangala 15 (Thailand: LPD Publisher, 1992), 5.

³⁰ *Digha Nikaya*, ii. 256 (jilid 2, muka surat 256). Rujuk L. De Silva, terj., *Dighanikayatthakatha tika Linatthavannana* (London: Pali Text Society, 1970).

³¹ *Anguttara Nikaya*, ii. 58. Rujuk P. Pecenko, ed. terj., *Anguttaraniyakaaya-tika, Subcommentary, Sarathamanjusa* (Oxford: Pali Text Society, 1998).

³² John Bowker ed., “Dharma,” in *The Concise Oxford Dictionary of World Religions* (Oxford: Oxford University Press, 2005).

mereka yang berusaha meningkatkan amalan kerohanian mereka. Oleh itu, *dharma* menjadi pendoring penganut untuk menterjemahkan tingkah laku baik sesama manusia demi mewujudkan keamanan dan kesejahteraan masyarakat. Kaitan *dharma* dalam kebajikan ini boleh dilihat melalui ungkapan Ramasamy yang dinukilkkan oleh Narayana Deekshitulu:

*"The word 'Dharma' or 'Hindu Dharma' denotes upholding, supporting, nourishing that which upholds, nourishes or supports the stability of the society, maintaining social order and general well-being and progress of mankind; whatever conduces to the fulfilment of these objects is Dharma. It is Hindu Dharma and ultimately 'Sarwa Dharma Sambhava'. Dharma is that which approved oneself or good consciousness or springs from due deliberation for one's own happiness and also for welfare of all beings free from fear, desire, disease, cherishing good feelings and sense of brotherhood, unity and friendship for integration of Bharat."*³³

Melalui petikan di atas, *dharma* atau *Hindu Dharma* merujuk kepada prinsip yang menyokong kestabilan masyarakat, menjaga ketertiban sosial, dan memajukan kesejahteraan manusia secara umum. Ia mencakupi tindakan yang lahir daripada kesedaran yang baik dan pertimbangan wajar untuk kebahagiaan diri serta kesejahteraan semua makhluk tanpa rasa takut, keinginan, atau penyakit. Selain itu, *dharma* menanamkan rasa persaudaraan, perpaduan, dan persahabatan sejajar dengan

³³ Justice K. Ramaswamy dalam A.S. Narayana Deekshitulu v. State of Andhra Pradesh. Rujuk Yashomati Ghosh & Anirban Chakraborty, "Secularism, Multiculturalism and Legal Pluralism: A Comparative Analysis Between the Indian and Western Constitutional Philosophy," *Asian Journal of Legal Education* 7(1) (2020), 73-81.

konsep ‘*Sarva Dharma Sambhava*’ yang menekankan kesetaraan semua ajaran *dharma*.

Dalam konteks amalan, ajaran Hindu memperkenalkan satu amalan khusus iaitu *daan*. Umumnya, *daan* ialah amalan yang menunjukkan kemurahan hati dalam memberi atau menderma kepada yang memerlukan sebagai tanda seseorang itu mulia atau baik.³⁴ Amalan *daan* dinyatakan dalam Agni Purana sebagai berikut, “Apabila seseorang berkongsi makanan, dia akan mendapat manfaat dengan menjadi teman kepada semua orang, termasuk musuh yang boleh menjadi kawannya. Maka, ia menghapuskan semua dosa.”³⁵

Dalam *Brahma Purana*, amalan *daan* yang paling mulia ialah pemberian makanan (*anna-daan*) seperti yang disebutkan iaitu: “Tidak ada khidmat yang lebih mulia daripada menyediakan makanan di dunia kematian.”³⁶ Manakala dalam Rig Veda, bab Sukta 117 dan Mandala 10, *anna-daan* digambarkan sebagai ‘pemberian tertinggi berbanding segala pemberian yang lain’. Walau bagaimanapun, amalan *daan* tidak tertakluk kepada sebarang kaedah tertentu. Ia bergantung kepada kemampuan dan kefahaman seseorang penganut dalam menterjemahkan kemurahan hati dan belas kasihan terhadap nasib orang lain. Justeru, kebijakan menurut Hindu adalah tertakluk kepada *dharma* yang disampaikan melalui amalan *daan*.

Amalan Kerjasama menurut Perspektif Agama

a. Amalan kerjasama menurut Islam

³⁴ Brihadaranyaka Upanishad, 5.2.3. Rujuk Paul Deussen, *The Philosophy of the Upanishads* (Delhi: Motilal BanarsiDass, 2011), 23.

³⁵ Agni Purana, 175.16. Rujuk Roshen Dalal, *The Vedas: An Introduction to Hinduism’s Sacred Texts* (United Kingdom: Penguin, 2014), 10.

³⁶ “*There is no better service than providing food in the world of death*”. Brahma Purana, 83.2. Rujuk 2011), 23.

³⁶ Agni Purana, 175.16. Rujuk Dalal, *The Vedas*, 80.

Dalam bahasa Arab, ‘kerjasama’ ialah *ta’awun* yang berasal daripada kata dasar *a'-wa-na* yang bermaksud bantuan.³⁷ Menurut Ibn Manzur, *ta’awun* ialah kerjasama, tolong-menolong dan saling membantu.³⁸ Al-Asfahani pula mendefinisikan *ta’awun* sebagai saling tolong-menolong.³⁹ Dalam al-Qur'an, *ta’awun* merujuk kepada salah satu amalan baik yang memerihalkan timbal balik dan perbuatan kolektif dalam lingkungan masyarakat. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah SWT:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالْتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ
وَالْغَدْوَانِ

Terjemahan: “Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebijakan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran.”

Al-Maidah, 5: 2

Al-Qurtubi mentafsirkan ayat di atas sebagai satu perintah untuk manusia agar saling bantu-membantu dalam mengerjakan perintah Allah SWT serta beramal dengannya.⁴⁰ Ayat ini turut dihuraikan oleh al-Mawardī sebagai galakan Allah SWT kepada manusia untuk mengamalkan sikap saling bantu-membantu sesama manusia demi meraih reda-Nya. Dalam waktu yang sama, pelaku akan turut memperolehi reda dan kebaikan daripada

³⁷ *Mu'jam al-Ma'ani*, entri عنون, laman sesawang *almaany.com*, diakses 15 Julai 2023, <https://www.almaany.com/id/dict/ar-id/%D8%A7%D9%86%D9%88%D9%86/>.

³⁸ Abu al-Fadl Jamal al-Din Muhammad Makram ibn Manzur, *Lisan al-'Arab* (Beirut: Dar al-Fikr, 1956), 298-299.

³⁹ Al-Raghib al-Asfahani, *Qamus al-Qur'an*, terj. Ahmad Zaini Dahlan (Depok: Pustaka Khazanah Fawa'id, 2017), 2: 830.

⁴⁰ Abu 'Abd Allah Muhammad ibn Ahmad Abi Bakr al-Ansari al-Qurtubi, *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an* (Kaherah: Dar al-Hadith, 2002), 4: 133.

manusia.⁴¹ Ayat ini juga menerangkan amalan tolong-menolong dalam ketakwaan ialah amalan yang menegakkan agama Allah SWT, kerana melalui amalan tersebut akan tercipta rasa saling kekitaan antara umat.

Manusia adalah makhluk sosial yang tidak mampu untuk tinggal secara bersendirian bahkan mereka memerlukan interaksi secara kerjasama.⁴² Maka ayat al-Quran di atas juga sejajar dengan sebuah hadis Rasulullah SAW yang bermaksud, "Barangsiaapa yang memudahkan urusan orang lain, pasti Allah akan memudahkannya di dunia dan akhirat."⁴³ Al-Qaradawi menjelaskan amalan *ta'awun* sebagai salah satu prinsip Islam yang mendidik manusia untuk hidup bermasyarakat dalam rangka "'ala al-birr wa al-taqwa."⁴⁴ Menurut beliau, kerjasama damai sesama manusia adalah manfaat yang wajar dititikberatkan selagi mana ianya tidak mengancam agama dan umat Islam.⁴⁵

Amalan *ta'awun* juga dapat diteliti melalui teladan Nabi Muhammad SAW dalam hubungan kemasyarakatan. Di samping melaksanakan *ta'awun* sesama kaum Muslimin, baginda SAW juga memperkenan amalan *ta'awun* bersama golongan bukan Islam.⁴⁶ Dalam Piagam Madinah, amalan *ta'awun* tidak hanya mementingkan hak masyarakat Islam, tetapi turut membabitkan masyarakat

⁴¹ Ali Muhammad Habib al-Mawardi, *al-Nuqat wa al 'Uyun: Tafsir al Mawardi* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1992), 2: 8.

⁴² Abd Somad, *Hukum Islam: Penormaan Prinsip Syari'ah dalam Hukum Indonesia* (Jakarta: Kencana, 2017), 90.

⁴³ Al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, Kitab al-Bir wa al-Silah 'an Rasul Allah, Bab Ma Ja'a fi Satri 'ala al-Muslim, no. hadis: 1930.

⁴⁴ Yusuf al-Qaradawi, *Kedudukan Non-Muslim dalam Negara Islam*, terj. Mat Saat Abd Rahman (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1985).

⁴⁵ Yusuf al-Qaradawi, *al-Ibadah fi Islam*, cet. 5 (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1985).

⁴⁶ Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti, *Sirah Nabawiyah: Kajian Mendalam Manhaj Gerakan Islam pada Masa Rasulullah s.a.w*, terj. Aunur Rafiq Shaleh Tamhid (Selangor: Pustaka Dini, 2006).

bukan Islam melalui nilai kasih sayang, toleransi, hormat-menghormati, keadilan, dan tanggungjawab.⁴⁷ Sehubungan dengan itu, *ta’awun* menurut Islam ialah bentuk amalan yang tidak bersikap individualistik sebaliknya kolektif yang melibatkan penyertaan pelbagai pihak lain demi meraih reda Allah SWT dan kebaikan sesama manusia.

b. Amalan kerjasama menurut Kristian

Kerjasama menurut epistemologi Kristian merujuk kepada beberapa konsep iaitu *allelon*, *cooperation*, *alliance*, *associate*, dan *union*. *Allelon* (disebut *ah-lay-loan*) ialah perkataan bahasa Yunani (Greek) yang sinonim dengan *oikodome* dan *syn-compounds* yang bermaksud timbal balik (*reciprocal*).⁴⁸ Dalam Bible, *allelon* memerihalkan situasi kebersamaan seperti *mutually* dan *reciprocally*.⁴⁹ *Cooperation* pula bermaksud kerjasama dan sering digunakan dalam konteks etika Kristian dan dalam beberapa siri *Pastoral Constitution* berkait hal-hal kegerejaan dan sikap saling membantu sesama manusia.⁵⁰

⁴⁷ Zaleha Maembong, “*Ta’awun Piagam Madinah dalam Pembangunan Komuniti Majmuk di Kawasan Rukun Tetangga Timur Laut dan Barat Daya, Pulau Pinang*” (Tesis PhD, Universiti Sains Malaysia, 2016).

⁴⁸ Carl B. Hoch, *All Things New* (Grand Rapids, MI: Baker, 1995), 247.

⁴⁹ Stephen D. Lowe & Mary E. Lowe, “Allelon: Reciprocal Commands and Christian Development,” *Christian Education Journal* 7(2) (2010), 285.

⁵⁰ “Acta Apostolicae Sedis,” vol. 58, Acta Pauli PP. VI, 1966, 1099, no. 76, diakses 12 Julai 2024, <https://www.vatican.va/archive/aas/documents/AAS-58-1966-ocr.pdf>. *Acta Apostolicae Sedis* ialah penerbitan bulanan Rom yang mengandungi dokumen awam yang dikeluarkan oleh Paus. Antara ayat tersebut “... willingly, because they comfort us with a certificate of adhesion, of fidelity, of cooperation, which We could not wish for more dear, more valid, more profitable, for the serious and complex ministry entrusted to us.”

Selain itu, beberapa sarjana Kristian misalnya David Dunaetz⁵¹ dan John Vinton Potts⁵² menggunakan istilah ‘*Christian cooperation*’ bagi membahaskan perilaku tolong menolong menurut etika Kristian. Sementara *alliance*, *associate*, atau *union* pula perkataan yang digunakan dalam beberapa versi Bible, contohnya New Internasional Version (NIV).⁵³ Walaupun terdapat beberapa perkataan yang digunakan, kesemuanya merujuk kepada saranan amalan kerjasama dalam hubungan sesama manusia.

Amalan kerjasama ini dapat diteliti melalui beberapa amalan Jesus sebagaimana yang terkandung dalam *Jesus’s Golden Rule*.⁵⁴ Contohnya, ungkapan Jesus, “*do to others as you would have them do to you*.”⁵⁵ Amalan kerjasama yang terkandung dalam *Jesus’s Golden Rule* ini meliputi sifat ketuhanan Jesus seperti yang disebutkan, “*corresponding to God’s character of mercy*”, atau “*do as God would do*,” yang berkait rapat dengan “*behavior rooted in the imitation of God*.”⁵⁶ Selain itu, amalan kerjasama juga terbit melalui sifat kasih sayang dan hubungan timbal balik antara Tuhan dengan manusia, dan manusia sesama manusia.

Menurut Badcock, ajaran Jesus berasaskan kasih sayang yang membolehkan mereka yang taat untuk saling

⁵¹ David R. Dunaetz, “Christian Cooperation and Ministry Effectiveness: Insights and Applications from Empirical Research in Group Processes,” *Dharma Deepika: A South Asian Journal of Missiological Research* 14(2) (2010), 17-26.

⁵² John Vinton Potts, *Christian Co-operation* (Dayton, Ohio: United Brethren Publishing House, 1874).

⁵³ Bible, John, 13:35. Rujuk penjelasan John Timothy Frank, “Cooperation: Churches Working Together Through the Local Baptist Association for Maximum Kingdom Ministry” (PhD tesis, Liberty University, 2012), 44.

⁵⁴ Kandungan nasihat Jesus dalam Bible.

⁵⁵ Bible, Luke, 6: 31.

⁵⁶ Luke Timothy Johnson, *Sacra Pagina: The Gospel of Luke* (Collegeville, Pennsylvania: Liturgical Press, 1991), 112.

berbuat kebaikan kepada Tuhan dan masyarakat.⁵⁷ Justeru, amalan kerjasama menurut Kristian adalah berdasarkan amalan teladan Jesus dalam memupuk hubungan kerjasama sesama manusia berteraskan kasih dan sayang.

c. Amalan kerjasama menurut Buddha

Amalan kerjasama menurut Buddha berlandaskan doktrin asas melalui proses latihan diri mencapai *nibbana* yang dikenali *cattari ariya saccani* (empat kebenaran mulia) dan *ariya atthangika magga* (lapan jalan kemuliaan). *Cattari ariya saccani* ialah latihan membebaskan diri daripada *dukkha* (penyakit hati) yang terpengaruh dengan hal keduniaan. Manakala *ariya atthangika magga* pula latihan untuk mencapai *cattari* iaitu melakukan pandangan, fikiran, ucapan, tindakan, pekerjaan, usaha, kesedaran dan tumpuan yang benar. Doktrin asas ini kemudiannya membentuk enam prinsip kesopanan (*cordiality*) yang bermula dengan mencipta kasih sayang dan kehormatan, kerjasama, kesefahaman, kesesuaian, dan kesatuan dalam sebuah komuniti.⁵⁸

Enam prinsip tersebut berasaskan perilaku Buddha sewaktu bersama masyarakat seperti mengawal perbuatan badan, lisan dan fikiran malah turut berkongsi keuntungan material dengan orang lain. Bagi Buddha mereka yang berpegang pada ‘pandangan benar’ yang sama akan membawa kepada “one who practices in accordance with it to the complete destruction of suffering.”⁵⁹

Di samping itu, terdapat prinsip lain iaitu *sanghaha vatthu* bermaksud empat prinsip kebaikan. *Sanghaha*

⁵⁷ Gary D. Badcock, “The Concept of Love: Divine and Human,” in *Nothing Greater, Nothing Better: Theological Essays on the Love of God*, ed. Kevin John Vanhoozer (Grand Rapids, MI: Eerdmans, 2001), 37.

⁵⁸ Bikkhu Bodhi ed., *The Middle Length Discourse of the Buddha*, chapter Kosambiya Sutta 6, terj., Bikkhu Nanamoli (Kandy: Buddhist Publication Society, 1995), 420.

⁵⁹ Bodhi ed., *The Middle Length Discourse of the Buddha*, 421.

vatthu ialah satu prinsip dalam ajaran Buddha untuk mencipta kebahagiaan hidup berdasarkan prinsip kebajikan yang menyokong kesepaduan antara masyarakat.⁶⁰ Selain itu, *sanghaha vatthu* juga ialah doktrin yang digunakan untuk memerihalkan perpaduan sosial melalui empat cara seperti kemurahan hati, tutur kata yang baik, tindakan yang bermanfaat, dan tidak berat sebelah.⁶¹ Ini sebagaimana dijelaskan dalam *Anguttara Nikaya*,

*"Generosity, kind words, beneficial help, and consistency in the face of events, in line with what's appropriate in each case, each case. These bonds of fellowship [function] in the world like the linchpin in a moving cart."*⁶²

Merujuk ayat di atas, *sanghaha vatthu* membentuk empat prinsip yang menekankan ikatan sesama manusia sebagai satu jalan yang membentuk perpaduan dan integrasi masyarakat. Empat prinsip tersebut ialah:

1. *Dana*: memberi atau berkorban harta, berkongsi harta dengan orang lain, tidak kedekut dan tidak pentingkan diri sendiri.
2. *Piyavaca*: ucapan mesra, bercakap sopan, ikhlas, dan menjauhkan diri daripada ucapan yang kasar;
3. *Atthacariya*: tindakan membantu orang dan melakukan tindakan yang bermanfaat kepada orang lain.

⁶⁰ Urai Janglon, *Application of Sangahavatthu 4 in Working among Head Nurses and Registered Nurses in Regional Hospitals* (Southern Thailand: Songkla University, 2005), 8.

⁶¹ Nyanatiloka, *Buddhist Dictionary, Manual of Buddhist Terms and Doctrines* (Chiang Mai: t.p., 2007), 190.

⁶² Bikkhu Thanissaro, terj., *Sangaha Sutta: The Bonds of Fellowship* (*Anguttara Nikaya*, iv.32), Access to Insight, 1997, diakses 27 Jun 2024,

<https://www.accesstoinsight.org/tipitaka/an/an04/an04.032.than.html>

4. *Samanattata*: menyantuni orang lain, berkelakuan saksama secara konsisten, dan berkelakuan adil terhadap semua orang.⁶³

Justeru, amalan kerjasama menurut Buddha adalah melalui latihan diri menjadi baik (*cattari ariya saccani* dan *ariya atthangika magga*), enam prinsip kesopanan dan empat prinsip *sanghaha vatthu*.

d. Amalan kerjasama menurut Hindu

Amalan kerjasama menurut Hindu pula dapat diteliti melalui doktrin *dharma* yang membentuk perilaku penganut Hindu melakukan kebaikan diri dan orang lain. Selain itu, *dharma* Hindu merangkumi kewajipan agama, hak moral dan kewajipan setiap individu, serta tingkah laku yang membolehkan ketenteraman sosial, kelakuan yang betul dan berbudi pekerti.⁶⁴ Menurut Van Buitenen, *dharma* dimiliki semua makhluk yang bertujuan untuk mengekalkan keharmonian dan ketertiban dunia.⁶⁵ Hal ini bermaksud, *dharma* bukan perbuatan mahupun hasil, tetapi undang-undang semula jadi yang membimbing sesuatu perbuatan dan mencipta suatu hasil untuk mengelakkan kehidupan yang huru-hara. Dalam aspek kemanusiaan pula, *dharma* berbentuk tujuan, kandungan dan juga kesan ke atas tingkah laku perbuatan dalam semua kehidupan.⁶⁶

Maka, *dharma* membentuk tingkah laku manusia yang tertakluk dengan peraturan demi kebaikan sejagat. Secara spesifiknya, *dharma* dalam konteks hubungan sesama manusia dapat dilihat melalui dua ajaran. Pertama ialah *sanatana dharma* yang bermaksud keabadian tanpa

⁶³ Sarin Choun, *Sangaha Vatthu, Four Principles of Service* (Cambodia: t.p., 2016), 1.

⁶⁴ Paul Lagasse ed., "Dharma," in *The Columbia Encyclopedia* (Gale: Columbia University Press, 2013).

⁶⁵ Van Buitenen, "Dharma and Moksha," *Philosophy East and West* 7(1/2) (1957), 33-40.

⁶⁶ Paul Hacker, "Dharma in Hinduism," *Journal of Indian Philosophy* 34(5) (2006), 479-496.

penghujung.⁶⁷ *Sanatana dharma* mempunyai enam rukun iaitu kejujuran, belas kasihan, berjimat cermat, kebersihan, dan amal jariah.⁶⁸ Rukun ini berfungsi sebagai garis panduan untuk menjalani kehidupan yang baik, merangkumi pelbagai aspek seperti tingkah laku, tanggungjawab sosial, disiplin peribadi dan amalan rohani. Malah, *sanatana dharma* menekankan kepentingan hidup harmoni dengan alam semula jadi dan masyarakat sambil mencari kesedaran diri melalui usaha yang dilakukan untuk memperbaiki diri. Ini termasuklah menyerlahkan kesalinghubungan semua makhluk yang menggalakkan belas kasihan dan penghormatan terhadap semua.

Kedua, *varna* atau *varna-ashrama dharma* iaitu sistem Hindu yang menjelaskan matlamat hidup, pembahagian sosial dan tahap kehidupan seseorang sebagai satu galakan manusia berusaha mencapai keseimbangan dan keharmonian hidup. Menurut kepercayaan Hindu, sistem *varna* adalah satu bentuk kehidupan ideal yang membahagikan empat kumpulan sosial mengikut bakat dan kecenderungan seseorang. Empat golongan tersebut secara hierarki bermula dengan golongan cerdik pandai (*brahmana*), pentadbir (*kshatriya*), para pengusaha (*waishya*) dan para pekerja (*sudra*). *Varna* dimaknakan sebagai ‘profesionalisme’ di mana setiap manusia melaksanakan tanggungjawab masing-masing bertujuan untuk melengkapkan kehidupan sesama mereka.⁶⁹

Dalam erti kata lain, *varna* ialah tugas berbentuk individu, tetapi saling memerlukan antara mereka. Misalnya, seorang petani dengan pekerja kilang makanan saling diperlukan untuk penghasilan yang baik kepada

⁶⁷ Andrew Harvey, *Teachings of the Hindu Mystics* (Boulder: Boulder Shambhala Center, 2001), xiii.

⁶⁸ Kamlesh C. Patel, *Fundamentals of Sanatana-Dharma: The Eternal Religion* (India: ISKCON Desire Tree, 2018), 3-4.

⁶⁹ Radhakrishnan, *Hindu Dharma: Pandangan Hidup Hindu* (Denpasar: PT Pustaka Manukgeni, 2002), 100.

masyarakat. Justeru, amalan kerjasama menurut Hindu adalah tertakluk kepada *dharma*. Namun, dalam aspek amalan pula ia adalah berlandaskan *sanatana* dan *varna dharma*.

Fungsi Rumah Ibadat Islam dan bukan Islam

a. Fungsi masjid menurut Islam

Dalam bahasa Melayu, masjid ialah “tempat yang dijadikan kawasan khusus untuk penganut Islam melaksanakan solat di dalamnya.” Dalam bahasa Arab, masjid diambil daripada akar kata *sa-ja-da*, *yas-ju-du*, *saj-dan* yang bermaksud sujud, tunduk atau taat.⁷⁰ Ini sebagaimana perkataan masjid dalam al-Quran, iaitu merujuk kata dasar سُجُود bermaksud taat, patuh, atau tunduk dengan penuh rasa hormat dan takzim.⁷¹ Menurut Ibn Manzur, perkataan masjid ialah satu tempat khusus untuk bersujud di dalamnya.⁷² Al-Marbawi pula menjelaskan masjid bersandarkan perkataan *sajada* ialah merendahkan diri sujud menyembah Tuhan dan dikaitkan dengan meletakkan dahi di tempat sujud.⁷³ Sependapat dengan al-Asfahani, masjid ialah tempat untuk penganut Islam menterjemahkan ibadat solat dalam bentuk sujud kepada Allah SWT sebagai bukti penyembahan seorang hamba kepada Tuhan.⁷⁴

Berdasarkan perspektif sejarah, peranan masjid boleh diteliti bermula zaman nabi Muhammad SAW sebagai perintis perkembangan institusi masjid dalam kegiatan masyarakat. Sewaktu zaman nabi Muhammad SAW, masjid adalah tempat untuk pelbagai aktiviti seperti menulis surat dan memilih pendakwah untuk dihantar

⁷⁰ Majma‘ al-Lughah al-‘Arabiyyah, *al-Mu‘jam al-Wasit* (Kaherah: Maktabah al-Sharq wa al-Dawliyyah, 2004).

⁷¹ Al-Baqarah, 2: 34; Taha, 20: 70; al-Rahman, 55: 6.

⁷² Ibn Manzur, *Lisan al-‘Arab*, 3: 204-205.

⁷³ Muhammad Idris ‘Abd. Rauf al-Marbawi, *Qamus Idris al-Marbawi* (Kaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladih, 1929), 279.

⁷⁴ Al-Raghib al-Asfahani, *Mufradat fi Gharib al-Qur'an* (Beirut: Dar al-Ma‘rifah, 2009), 224.

kepada pemerintah asing, penginapan imam, tempat berkumpul para sahabat, tempat baginda SAW bertemu rakyat, tempat untuk bersebahyang, tempat mengajar pelbagai ilmu pengetahuan, tempat memberi syarahan agama, berbincang soal politik negara, melantik gabenor dan pemimpin negara, menerima tetamu negara dan wakil-wakil dari kerajaan luar, merancang urusan pentadbiran negara, serta mengadakan mesyuarat.⁷⁵

Menurut Taufiq al-Wa‘i, terdapat dua fungsi utama pembinaan masjid al-Nabawi yang ditekankan oleh nabi Muhammad SAW.⁷⁶ Pertama, pembentukan aspek kerohanian melalui kegiatan ibadah solat, zikir, membaca al-Quran, dan lain-lain. Kedua, pemupukan masyarakat seperti perbincangan, pembangunan ekonomi, pendidikan, strategi perang, dan sebagainya. Daripada perkembangan kedua-dua aspek tersebut, fungsi masjid berkembang menjadi pusat tamadun Islam. Melalui institusi masjid, lahir idea-idea bernes untuk pembangunan individu, keluarga, dan pemupukan kehidupan sosial. Justeru, masjid mempunyai fungsi yang sangat penting dan strategik khususnya dalam rangka pembangunan masyarakat.

b. Fungsi gereja menurut Kristian

Istilah gereja ialah perkataan bahasa Melayu yang berasal daripada perkataan pinjaman bahasa Portugis iaitu *igreja*.⁷⁷ Perkataan ini mula berkembang semenjak penjajahan Portugis di Indonesia sekitar tahun 1512 dan tersebar hingga ke Tanah Melayu yang digunakan sehingga ke hari ini. Namun, perkataan yang lebih meluas digunakan adalah *church*, iaitu istilah gereja dalam bahasa Inggeris. Dalam Bible gereja dikaitkan dengan *ekklesia*. *Ekklesia* atau

⁷⁵ ‘Ali Abd. Halim Mahmud, *al-Masajid wa Atharuh fi al-Mujtama‘ al Islami* (Kaherah: Dar al-Ma‘arif, 1979), 33.

⁷⁶ Tawfiq al-Wa‘i, *Da‘wah ila Allah* (Kaherah: Dar al-Yaqin, 1995), 373-386.

⁷⁷ Sebastiao Rodolfo Dalgado, *Portuguese Vocables in Asiatic Languages* (New Delhi: Asian Educational Services, 1988), 176.

ecclesia ialah perkataan Yunani (Greek), ἐκκλησία (berbunyi ek-klay-see'-ah) yang bermaksud, *ek* = *from* atau *out* dan *klesia*, asal perkataan *kaleo* = *to call/ invite/ name*.⁷⁸ Selain itu, dalam Old Testament, istilah *qhala* digunakan untuk merujuk tempat ibadat atau rumah suci bagi penganut Kristian dan Yahudi. Namun, istilah ini berkembang mengikut kepercayaan agama masing-masing iaitu istilah *ekklesia* merujuk rumah suci bagi penganut Kristian, dan *sinagog* bagi penganut Yahudi.⁷⁹

Secara umumnya, fungsi gereja ialah sebagai “satu tempat untuk berkumpul umat Tuhan.” Manakala secara spesifiknya pula, fungsi gereja adalah seperti berikut:

1. Pusat peribadatan dan ritual agama (*worship*), ini merupakan fungsi utama gereja dan lambang keagamaan Kristian.
2. Pusat kemuridan (*discipleship*) – berkumpul pengikut yang taat, iaitu mereka yang memelihara kerohanian dan mengabdiikan hidup kepada agama.
3. Pusat penyebaran agama (*evangelist*), membawa kepada misi kegerejaan dan penyebaran ajaran Bible.
4. Pusat perpaduan (*unity*) dan tempat melaksanakan kegiatan masyarakat dalam pelbagai hal seperti pendidikan, kesihatan dan kebajikan.⁸⁰

c. Fungsi tokong menurut Buddha

Perkataan ‘tokong’ merujuk kepada beberapa binaan yang berkait dengan seni bina agama Buddha. Antara binaan terkenal adalah seperti *vihara*, *stupa*, dan *chaitya*. *Vihara* ialah tempat kediaman para *sangha* (golongan *bikkhu*).

⁷⁸ Roland Kenneth Harrison, “Church,” in *Evangelical Dictionary of Biblical Theology* (Grand Rapids: Baker Books, 1996), 95.

⁷⁹ Whitehead Goetz Philip, *The New Encyclopedia Britannica* (London: Encyclopedia Britannica Inc. 1985), 3: 304.

⁸⁰ Jonathan M. Menn, *The Church: Its Nature, Mission, and Purpose* (Appleton: Equipping church leaders-East Africa, 2021), 18.

Manakala *stupa* ialah binaan khas untuk peninggalan Gautama Buddha seperti abu dan barang berkaitannya. *Chaitya* pula ialah dewan pemujaan. Namun, mengikut kronologi sejarah, *vihara* ialah binaan terawal dibina semenjak Gautama masih hidup bersama para *sangha*.⁸¹ Kemudian, perkembangan ajaran Buddha masa kini menggabungkan seni bina di atas menjadi sebuah tokong, dan kadangkala hanya salah satu darinya sahaja.

Pada asalnya fungsi tokong hanya tertumpu pada ritual keagamaan seperti penyembahan dewa dewi (*chaitya*), menghormati individu mulia seperti Gautama (*stupa*), dan meditasi (*vihara*). Namun fungsi tokong kini adalah sebagai tempat belajar; tempat perlindungan bagi orang miskin dan pengembara; tempat perubatan tradisional; tempat pertemuan penduduk kampung; mahkamah komuniti; tempat perundingan untuk kehidupan harian dan masalah psikologi; tempat hiburan untuk mengadakan perayaan tradisional; pusat seni budaya dan arca; muzium; gudang masyarakat; pusat pentadbiran bagi masyarakat yang digunakan oleh ketua-ketua kampung untuk mesyuarat atau untuk mengumumkan beberapa pesanan kepada penduduk kampung; dan tempat untuk mengadakan ritual berkaitan upacara peralihan, seperti pentahbisan dan pengebumian.⁸² Walau bagaimanapun, fungsi tokong boleh berbeza dan tertakluk penggunaannya kepada masyarakat setempat.

d. Fungsi Kuil menurut Hindu

Kuil berasal daripada perkataan bahasa Tamil iaitu *koyil* atau *kovil*. Perkataan *koyil* atau *kovil* terdiri dari dua patah

⁸¹ Thomas William Rhys Davids & William Stede, eds., *Pali English Dictionary* (London: Pali Text Society, 2017), 1: 642.

⁸² The Siam Society and The Buddhist Association of Thailand, *Seminar in Buddhism and Contemporary Thai Society* (Bangkok: Siwaporn Limited, 1970), 40.

perkataan iaitu “*ko*” bermaksud tuhan dan “*vil*” bermaksud tempat. Jika disatukan, kuil bermaksud tempat tuhan.⁸³

Selain itu, kuil juga disebut sebagai *alayam*, *devalaya* (kediaman tuhan), *mandira* (tempat penantian tuhan), *prasada* (tempat bersemayam bagi tuhan) dan *dewagriham* (rumah tuhan). *Alayam* antara nama yang kerap digunakan kerana perkataan tersebut wujud dalam teks *Silpa Shastra* iaitu sebuah koleksi Hindu kuno yang mengumpulkan panduan tentang ilmu seni dan kraf menurut Hindu termasuklah pembinaan kuil.⁸⁴ Dalam teks tersebut, *alayam* mempunyai dua perkataan, ‘*a*’ berasal dari perkataan *atman* yang bermaksud jiwa atau diri dan *layam* bermaksud destinasi yang sesuai untuk menuju atau sampai. Jika dicantumkan, *alayam* merujuk kepada jiwa seseorang yang menuju kepada tuhannya.⁸⁵ Walaupun terdapat pelbagai nama yang digunakan untuk merujuk kepada kuil namun fungsinya adalah sama iaitu sebuah tempat suci yang menjadi ruang pemujaan dan ritual pengabadian kepada dewa-dewi.⁸⁶

Namun, selain berperanan untuk ritual pemujaan, kuil juga berfungsi sebagai:

1. Pusat ekonomi para petani dan pemilik tanah.
2. Tempat menyatukan masyarakat yang berbeza status dan kedudukan.
3. Institusi yang menjalankan peranan agama dan pembentukan moral masyarakat.
4. Mengembangkan ajaran agama kepada masyarakat.

⁸³ “Kovil,” *Wisdom Library*, diakses 8 Disember 2022. <https://www.wisdomlib.org/definition/kovil>.

⁸⁴ Ranee Narendranath, *Garis Panduan Kuil Hindu dan Kebangsaan* (Kedah: MVS Win Trading, 2017), 4.

⁸⁵ A.S. Nakalinkam, *Inthumatha Unmaigal (Kebenaran Agama Hindu)* (Sungai Siput: Penerbit Kalasalai, 1978), 24.

⁸⁶ George Michell, *The Hindu Temple: An Introduction to Its Meaning and Forms* (Chicago: University of Chicago Press, 1977), 61-62.

5. Tempat perhimpunan golongan agama, pentadbir dan masyarakat awam.
6. Tempat perlindungan masyarakat yang memerlukan.
7. Tempat pemeliharaan dan pemuliharaan warisan adat dan budaya agama.⁸⁷

Peranan Rumah Ibadat dalam Aktiviti Kebajikan Masyarakat

a. Masjid

Aktiviti kebajikan termasuk dalam aktiviti pengimaraham seperti yang disebutkan dalam al-Quran iaitu:

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ
بِوَفَاقِمِ الصَّلَاةِ وَءَاتَى الزَّكُوَةَ وَمَمْكُنَ لِلَّهِ
فَعْسَى أُولَئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهَتَّدِينَ

Terjemahan: “Hanya yang memakmurkan masjid-masjid Allah ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan Hari kemudian, serta tetap mendirikan solat, menunaikan zakat dan tidak takut (kepada siapapun) selain kepada Allah, maka mereka lah orang-orang yang diharapkan termasuk golongan orang-orang yang mendapat petunjuk.”

Al-Tawbah 9: 18

Berdasarkan ayat al-Qur'an di atas, salah satu petunjuk seseorang beriman kepada Allah SWT adalah mereka yang mengimarahkan masjid. Menurut al-Qaradawi, mengimarahkan adalah mendirikan solat, berdoa dan berzikir di dalamnya serta menjadikan masjid sebagai

⁸⁷ Salila Kulshreshtha, “Introduction to Temples and Rituals,” in *The Routledge Handbook of Hindu Temples, Materiality, Social History and Practice*, eds., Himanshu Prabha Ray, Salila Kulshreshtha & Uthara Suvrathan (London: Routledge, 2023), 5: 99-110.

pusat yang menggerakkan syiar Islam melalui aktiviti manusiawi berlandaskan syariat.⁸⁸ Bagi Ibn Qayyim al-Jawziyyah, masjid tidak hanya dimakmurkan pada aktiviti kerohanian sahaja, tetapi turut membabitkan pembangunan aktiviti fizikal dan kemasyarakatan dalam pelbagai kegiatan.⁸⁹ Dalam hal ini, pengimaranahan masjid selain bertujuan memenuhi keperluan rohani umat Islam, tetapi turut menyokong keperluan semasa mereka dalam bentuk ilmu bagi yang jahil, harta untuk yang fakir dan miskin dan perubatan untuk mereka yang sakit.⁹⁰

Sejajar dengan perintah mengimarahkan inilah maka Nabi Muhammad SAW melaksanakan pelbagai kebajikan masyarakat di masjid. Pada zaman baginda SAW, masjid menjadi tempat memberi makanan,⁹¹ perlindungan golongan sakit⁹² dan mahkamah yang menetapkan perundangan.⁹³ Selain itu, masjid al-Nabawi dijadikan sebagai pusat kerajaan, tempat penyampaian maklumat, pusat kebajikan, pusat kejururawatan, pusat interaksi masyarakat,⁹⁴ tempat kutipan dan agihan zakat kepada penerima yang layak, tempat berteduh dan tempat mendapatkan bantuan bagi golongan fakir miskin dan

⁸⁸ Yusuf al-Qaradawi, *Huda al-Islam: Fatawa al-Mu‘asarah* (Kuwait: Dar al-Qalam, 1990), 1: 263.

⁸⁹ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Zad al-Ma‘ad Hady Khayr al-Ibad* (Beirut: Mu‘assasah al-Risalah, 1998), 3: 408.

⁹⁰ Yusuf al-Qaradawi, *al-Dawabit al-Shar‘iyah li Bina’ al-Masajid* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1999), 6-7. Rujuk juga ‘Ali Ahmad al-Salus, *Mawsu‘ah Qadaya Islamiyyah Mu‘asirah wa al-Iqtisad al-Islami* (Qatar: Dar al-Thaqafah, 2013), 1: 217-219.

⁹¹ Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-At‘amah, Bab man Akala hatta Syabia’, no. hadith 5381.

⁹² Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Salah, Bab al-Khaimati fi al-Masjid li al-Marda wa Ghairihim, no. hadith 463.

⁹³ Abu Dawud, *Sunan Abi Dawud*, Kitab al-Talaq, Bab fi al-Li‘an, no. hadith 2253.

⁹⁴ Abdul Razak Abd. Muthalib, et al., “Isu dan Cabaran Institusi Masjid dalam Pembentukan Sahsiah Remaja di Era Globalisasi dan Cadangan Penyelesaiannya” (Makalah, Seminar Kebangsaan Pengajian dan Pembelajaran Berteraskan Masjid, 2010).

musafir.⁹⁵ Oleh itu seawal zaman Nabi lagi masjid telah berperanan sebagai pusat kebajikan dan pendidikan masyarakat.⁹⁶

Sehubungan itu, teladan Nabi Muhammad SAW ini menjadi tradisi berterusan oleh institusi masjid hingga ke hari ini. Oleh yang demikian, amalan kerjasama yang dilaksanakan oleh umat Islam melalui institusi masjid ini tidak sekadar menterjemahkan cerminan Islam yang prihatin, tetapi sekali gus memartabatkan masjid sebagai institusi yang mengambil peduli nasib masyarakat.

b. Gereja

Penubuhan gereja awal disinonimkan dengan kegiatan kebajikan masyarakat. Hal ini bertitik tolak dengan teladan Jesus yang mula mengumpulkan pengikut awalnya dalam kalangan orang miskin, hamba, orang sakit dan kelompok terabai yang tertindas.⁹⁷ Menurut ajaran Kristian, misi yang dibawa Jesus bukan sekadar untuk menyampaikan ajaran agama, tetapi juga untuk memelihara kebajikan masyarakat khususnya yang ditindas. Oleh itu, matlamat pembinaan gereja bukan sahaja untuk melaksanakan ritual dan menyebarkan agama, tetapi sebagai pusat yang mengangkat nilai kemanusiaan.⁹⁸ Ia diasaskan dari misi utama agama

⁹⁵ Muslim, *Sahih Muslim*, Bab al-Haml bi Ujrah Yatasadaq biha wa al-Nahy al-Syadid ‘an Tanqis al-Mutasaddiq bi Qalil, no. hadith. 1697.

⁹⁶ Habiba Hamid, et al., “MyMosqueNet2Cloud Collaborative System: A Network of Mosques towards Eradicating Poverty in Malaysia,” *American Academic & Scholarly Research Journal* 5(5) (2013), 169-179.

⁹⁷ M. Tsele, “The Role of Christian Faith in Development,” in *Faith in Development: Partnership Between the World Bank and the Churches of Africa*, eds., D. Belshaw, R. Calderisi & C. Sugden (Oxford: Regnum, 2001), 213.

⁹⁸ Wieslaw Przygoda, *Charitable Service of the Church in Poland* (Lublin: Wydawnictwo, 2004), 92-106.

iaitu berkongsi nilai cinta dan kasih sayang Tuhan dengan manusia, dan manusia kepada Tuhan.⁹⁹

Misi gereja ini ditekankan oleh Paus Benedict XVI¹⁰⁰ yang mempromosikan misi kebajikan gereja secara rasmi sebagaimana yang terkandung dalam surat ensiklik¹⁰¹ pertamanya:

*In the same way in which the human proclamation of the Gospel, the word of faith, parallels the divine Logos, the agape of the Church, her charitable work, must also parallel the divine Agape, which is God.”*¹⁰²

Kenyataan di atas menjelaskan misi gereja dalam menjaga dan memelihara kebajikan masyarakat sebagai salah satu tuntutan bagi memperoleh anugerah cinta Tuhan kepada umat. Misi kebajikan gereja dilihat seolah ‘jelmaan Tuhan’ yang sedang ‘bergerak’ menyampaikan cinta dan kasih sayangnya kepada manusia. Dalam hal ini, Paus Benedict XVI mengemukakan kerangka *caritas*¹⁰³ yang menjelaskan matlamat amalan kebajikan gereja kepada masyarakat. Menurut beliau, gereja menjadi cerminan Tuhan yang sedang menyantuni masyarakat dalam segala bentuk kebaikan yang bermanfaat untuk keperluan semasa

⁹⁹ Wieslaw Przygoda, “The Mercy of God as the Foundation of Charity of the Church,” *Diacovensia: teološki prilozi* 27(4) (2019), 645.

¹⁰⁰ Paus Benedict XVI ialah ketua gereja Katolik bermula 19 April 2005 sehingga peletakan jawatannya pada 28 Februari 2013.

¹⁰¹ Ensiklik berisi ajaran Paus mengenai doktrin dan kesusilaan Kristian.

¹⁰² “Pontificium Consilium Cor Unum,” Acts of the World Conference on Charity, New Synod Hall, 23-24 January 2006, Vatican, 9.

¹⁰³ Dalam Bible, *caritas* membawa maksud cinta. Misalnya 1 John 4: 8, *Deus caritas est* membawa maksud “Tuhan adalah kasih.” Dalam beberapa versi Bible, perkataan tersebut diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris sebagai ‘charity’ atau hanya sebagai *God’s love*. Rujuk Przygoda, “The Mercy of God.”

serta keselamatan dan perlindungan pada masa akan datang.¹⁰⁴

Pandangan Paus ini turut diulas oleh Cordes yang menyatakan gereja sebagai pusat yang menyelamatkan agama dan masyarakat tertindas, semenjak awal perkembangan Kristian di Eropah lagi.¹⁰⁵ Gereja disebut oleh Cordes ‘ditakdirkan’ untuk bekerjasama dengan institusi negara dalam membantu masyarakat menangani realiti kemiskinan yang semakin rumit dan membimbangkan.¹⁰⁶

c. Tokong

Amalan kerjasama dan kebajikan masyarakat adalah berdasarkan teras ajaran Buddha yang mementingkan hubungan para *bikkhu* dengan masyarakat awam. Hal ini tercatat dalam *Sigala Sutta* yang menyatakan bahawa seseorang hendaklah ‘menyembah’ konsep empat arah mata angin dan dua arah angin. Empat arah mata angin bermaksud timur sebagai ibu bapa, selatan sebagai guru, barat sebagai isteri dan anak-anak, manakala utara sebagai kawan, saudara dan jiran. Kemudian dua arah mata angin pula ialah nadir (angin rendah) sebagai majikan, pekerja dan hamba, dan zenith (angin tinggi) sebagai golongan *bikkhu*.¹⁰⁷ Kesemua arah mata angin tersebut menjadi kerangka dalam pembentukan hubungan keluarga, masyarakat dan golongan *bhikkhu* yang perlu dihormati.

¹⁰⁴ Benedict XVI, *Encyclical Deus Caritas Est (DCE)*, 25 Dis 2005, no. 31, diakses 15 November 2023, https://www.vatican.va/content/benedict-xvi/en/encyclicals/documents/hf_ben-xvi_enc_20051225_deus-caritas-est.html.

¹⁰⁵ Paul J. Cordes, *Help Bringers Don't Fall from the Sky: Caritas and Spirituality* (Kielce: Wydawnictwo Jedność, 2009), 139.

¹⁰⁶ Cordes, *Help Bringers Don't Fall from the Sky: Caritas and Spirituality*, 140.

¹⁰⁷ Kandarapangnuwe Dharmasiri, *The Sigalovada in Pictures: A Pictorial Presentation of the Advice to Sigala* (Australia: Buddha Dharma Education Association Inc., 1995), 14.

Hal ini juga berkait dengan doktrin Buddha *Tritana* (Tiga Permata) iaitu kepercayaan kepada *Buddha*, *dhamma* dan *sangha*.

Aspek kebajikan masyarakat terjali dalam konteks hubungan para *bikkhu* dengan masyarakat awam yang berjalan secara timbal balik. Masyarakat berkewajipan menjaga keperluan para *bhikkhu* manakala para *bhikkhu* berperanan memberi pengetahuan dan memimpin masyarakat menuju jalan yang benar dan menjauhi kejahatan. Selain itu, tokong merupakan tempat masyarakat memperoleh *punya* (merit) melalui amalan *dana*. Amalan *dana* dapat dijelaskan melalui dua situasi iaitu *dana* masyarakat kepada tokong dan *dana* tokong kepada masyarakat. Menurut Mitchell, situasi *dana* masyarakat kepada tokong umpama ladang untuk memperoleh *punya*.¹⁰⁸ Manakala *dana* tokong kepada masyarakat umpama benih atau hasil yang diperoleh dari ladang *punya* yang kemudian diberikan kepada masyarakat. Kedua-dua situasi *dana* tersebut bertujuan yang sama iaitu mencapai *nibbana*.

Berdasarkan beberapa rekod sejarah, tokong di sekitar Asia khususnya China dan Thailand tidak hanya menjadi pusat agama, tetapi tempat masyarakat mendapatkan keperluan sesama mereka. Misalnya di China, sewaktu pemerintahan Maharaja Daowu (386-409M) tokong menjadi pusat amalan *dana* yang memperlihatkan situasi timbal balik antara *dana* masyarakat dan *dana* tokong.¹⁰⁹ Di Thailand pula, sewaktu pemerintahan raja Ramkhamhaeng dari Dinasti Sukhothai sekitar tahun 1238-1438M, tokong berfungsi sebagai pusat pendidikan dan bantuan

¹⁰⁸ Matthew Mitchell, "Borrowing from the Buddha Buddhist Temples as Financial Centers in Premodern East Asia," *Education About Asia* 24(2) (2019), 51-54.

¹⁰⁹ Wei Shou, *Northern Qi* (Beijing: Zhonghua shuju, 1974), 3030.

kemiskinan.¹¹⁰ Ini menggambarkan peranan tokong sebagai institusi agama yang menerapkan jalinan persaudaraan dan kehidupan bersama berdasarkan nilai kemanusiaan sejagat.¹¹¹ Sehubungan itu kedua-dua pihak (*bikkhu* dan masyarakat) saling memainkan peranan dalam menjaga kepentingan antara satu dengan yang lain.

d. Kuil

Amalan kerjasama dan kebajikan dalam ajaran Hindu terjalin melalui hubungan pemerintah dengan golongan *brahmin* (agamawan kuil). Berdasarkan rekod sejarah kuil terawal di India, fungsi kuil adalah menetapkan amalan *daan* sebagai salah satu kewajipan untuk semua golongan yang berkemampuan. Sewaktu pemerintahan Pallava di India Selatan sekitar akhir abad ketujuh dan awal abad kelapan Masihi, undang-undang dirangka secara khusus mengenai *daan* sebagai sumbangan derma kuil (*endowment*) dan mengenai sebarang bentuk pemberian hadiah.¹¹²

Semasa pemerintahan Chola sekitar 900 hingga 1200 Masihi, raja bekerjasama dengan institusi kuil dalam mengambil peduli nasib rakyat. Di zaman ini diwujudkan sistem subsidi *brahmadeya* untuk kegunaan para *brahmin*, pelajar dan pengenalan sistem taksiran cukai yang tidak membebankan. Selain itu, zaman Chola dikatakan sebagai zaman keagungan kuil yang aktif memberi bantuan dan sumbangan kepada masyarakat.¹¹³

¹¹⁰ Setabutr Noranit, *Buddhism in Thailand* (Bangkok: The World Buddhist University, 2002).

¹¹¹ Ahangamage T. Ariyaratne, "The Role of Buddhist Monks in Development," *World Development* 8(7-8) (1980), 589.

¹¹² Nicholas B. Dirks, "Honor, Merit and Prosperity: From Ritual as Gift-Giving to Gift-Giving as Ritual in Early South Indian Kingship" (Master diss., University of Michigan, 1975), 29.

¹¹³ George W. Spencer, "Religious Networks and Royal Influence in Eleventh Century South India," *Journal of the Economic and Social History of the Orient* 12(1) (1969), 42-56.

Oleh itu, hubungan raja dengan institusi kuil membabitkan dua perkara, iaitu derma untuk kuil dan perlindungan daripada raja. Derma kuil (amalan *daan*) adalah sumbangan yang digunakan untuk pembangunan kuil dan masyarakat yang memerlukan.¹¹⁴ Sementara perlindungan raja pula adalah berdasarkan kekuasaan raja yang menjaga dan memelihara institusi kuil.¹¹⁵ Dalam hal ini, Applurai menjelaskan peranan raja (penguasa), fungsi kuil (institusi agama) dan rakyat menjadi model dalam pembangunan masyarakat yang mempamerkan simbiosis unsur ketaatan beragama (kuil) dengan kepatuhan rakyat kepada rajanya.¹¹⁶

Setelah berakhirnya zaman pemerintahan monarki Hindu di India sekitar abad ke-16, kuil mula bergerak secara bebas dan tidak hanya tertumpu kepada penetapan oleh kerajaan.¹¹⁷ Kuil-kuil secara bebas menujuhkan *paathashalas* (sekolah) dan *gaushala* (tempat perlindungan), serta turut mempunyai pusat pembangunan masyarakat seperti pendidikan dan kesihatan untuk golongan miskin.

¹¹⁴ Tirumalai-Tirupati Devastanam Epigraphical Series, vol. 6, part 2; Epigraphical Glossary, Section III, List of Donors for the Temples at Tirumalai and Tirupati.

¹¹⁵ Robert Lingat, *The Classical Law of India* (Berkeley: University of California, 1973), 222.

¹¹⁶ Arjun Appadurai, “Kings, Sects and Temples in South India, 1350-1700 AD,” *The Indian Economic & Social History Review* 14(1) (1977), 47-73.

¹¹⁷ K.V. Raju et al., “Anna-daan, Food Charity in Hinduism, An Exploration,” in *Anna-daan, Food Charity in India*, eds. K.V. Raju & S. Manasi (Routledge, 2024), 40.

Merealisasikan SDGs melalui Peranan Agama dan Fungsi Rumah Ibadat

Pada hari ini, sekitar 85% populasi manusia di dunia ini beragama.¹¹⁸ Agama sebagai sistem kepercayaan berperanan mempengaruhi pemikiran dan tindakan manusia. Oleh itu, institusi agama termasuklah rumah ibadat merupakan penyumbang utama kepada proses pembentukan masyarakat serta turut berperanan dalam menangani cabaran global kontemporari.¹¹⁹

Sustainable Development Goals (SDGs) atau Matlamat Pembangunan Lestari, yang mencakup aspek kemiskinan, kesihatan, pendidikan, dan sebagainya membuktikan bahawa nilai-nilai keagamaan telah lama mendidik penganut untuk bersikap prihatin terhadap cabaran sosial ini. Bahkan sebelum wujudnya 17 SDGs, agama telah memainkan peranan penting dalam membentuk sikap penganut untuk memartabatkan kebijakan masyarakat. Ini menunjukkan bahawa agenda keagamaan selaras dengan objektif SDGs, yang bertujuan untuk mencapai kemajuan sosial dan kesejahteraan bersama.

Selain itu, rumah ibadat, sebagai institusi yang dipercayai masyarakat, telah terbukti berperanan dalam mengembangkan aspek kerohanian dan kemanusiaan. Bahkan, rumah ibadat berpotensi untuk melaksanakan SDGs dalam kerangka yang lebih luas dan bertahan lama. Ini bermakna, rumah ibadat tidak hanya berfungsi dalam pembangunan rohani, tetapi juga memainkan peranan penting dalam membantu masyarakat yang memerlukan. Dalam konteks ini, rumah ibadat secara tidak langsung telah merealisasikan SDGs, termasuk dalam penjagaan

¹¹⁸ *World Population Review 2020*, diakses 10 November 2024, <https://worldpopulationreview.com/country-rankings/religion-by-country>.

¹¹⁹ Christine Schliesser, “Religion Matters: Religion and the Sustainable Development Goals (SDGs),” *Religions* 15(3) (2024), 1.

kesihatan, pengurangan kemiskinan, pendidikan, dan penjagaan alam sekitar. Hal ini tercermin dalam pelbagai prasarana dan bantuan yang disediakan oleh rumah ibadat dalam bidang-bidang ini seperti yang dinyatakan di atas, termasuk jaringan kerjasama dengan institusi lain. Penyataan ini boleh dirincikan seperti berikut:

1. Mengurangkan Kemiskinan (SDG 1): Rumah ibadat berperanan membantu golongan yang kurang bernasib baik dengan menyediakan makanan, pakaian, tempat perlindungan, dan bantuan kewangan. Banyak rumah ibadat yang menjalankan program kebajikan seperti sumbangan makanan kepada golongan miskin, serta inisiatif untuk membantu mereka yang terpinggir dalam masyarakat. Ini secara langsung menyumbang kepada usaha mengurangkan kemiskinan dalam masyarakat.
2. Kesihatan dan Kesejahteraan (SDG 3): Beberapa rumah ibadat juga terlibat dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada komuniti mereka, terutamanya di kawasan luar bandar atau miskin di mana akses kepada perkhidmatan kesihatan mungkin terhad. Rumah ibadat sering menjalankan klinik kesihatan percuma, program vaksinasi, dan inisiatif kesihatan mental untuk menyokong kesejahteraan fizikal dan mental masyarakat.
3. Pendidikan Berkualiti (SDG 4): Banyak rumah ibadat menyediakan pusat pembelajaran, seperti kelas agama, program pengajian, dan sokongan pendidikan kepada kanak-kanak dan orang dewasa. Dengan memberi penekanan kepada nilai-nilai pendidikan dan moral, rumah ibadat membantu memperkaya pengetahuan dan memberi peluang untuk pendidikan kepada golongan yang kurang bernasib baik, terutamanya di kawasan yang kurang mendapat perhatian.
4. Kesetaraan gender (SDG 5): Rumah ibadat juga memainkan peranan dalam mempromosikan

pemerksaan wanita. Beberapa rumah ibadat menggalakkan wanita untuk terlibat dalam aktiviti sosial, ekonomi, dan agama. Ini termasuklah memberi sokongan kepada wanita dalam bidang pendidikan, pekerjaan, dan pemerksaan sosial.

5. Menjaga Alam Sekitar (SDG 13): Beberapa rumah ibadat kini juga semakin menekankan kepentingan pemeliharaan alam sekitar, menggalakkan amalan kelestarian seperti pengurangan sisa, penggunaan tenaga yang lebih efisien, dan amalan pertanian lestari. Aktiviti ini tidak hanya memberi kesan positif kepada alam sekitar, tetapi juga mendidik masyarakat tentang tanggungjawab mereka terhadap planet ini.
6. Kedamaian dan Keadilan (SDG 16): Rumah ibadat juga memainkan peranan dalam mempromosikan kedamaian dan keadilan sosial dalam masyarakat. Banyak rumah ibadat menjalankan program yang menggalakkan keharmonian antara agama dan budaya, serta menyokong usaha-usaha untuk mengurangkan ketegangan sosial dan memperkuatkan jaringan sokongan komuniti. Rumah ibadat sering berperanan sebagai tempat bagi perbincangan dan rundingan bagi mengatasi konflik dalam masyarakat.
7. Kolaborasi untuk Tujuan Bersama (SDG 17): Rumah ibadat sering bekerjasama dengan pelbagai organisasi, termasuk kerajaan, NGO, dan sektor swasta, untuk mencapai matlamat bersama yang menyokong pembangunan sosial dan ekonomi. Melalui kolaborasi ini, rumah ibadat dapat mengukuhkan usaha untuk memperbaiki kualiti hidup masyarakat serta membangunkan komuniti yang lebih adil dan berdaya saing.

Oleh itu, rumah ibadat tidak hanya berfungsi sebagai tempat ibadah, tetapi juga sebagai pusat pembangunan sosial yang menyumbang kepada pencapaian SDGs dengan membantu masyarakat dalam pelbagai aspek kehidupan

mereka. Peranan ini menjadikan rumah ibadat sebagai salah satu watak utama dalam merealisasikan pembangunan lestari dan kesejahteraan global.

Rumusan

Kajian ini merumuskan bahawa amalan kerjasama antara rumah ibadat dan kebajikan masyarakat saling berkait rapat, menghubungkan agama dengan masyarakat. Walaupun keempat-empat agama mengemukakan epistemologi kerjasama dan fungsi rumah ibadat yang berbeza, masing-masing menterjemahkannya mengikut kehendak beragama dan bermasyarakat. Sebagai contoh, dalam Islam, amalan *ta’awun* di masjid sangat menyerlah dalam kebajikan masyarakat, seperti yang dilaksanakan oleh Nabi Muhammad SAW. Begitu juga dalam agama Kristian, di mana Jesus sendiri mengembangkan fungsi gereja untuk memenuhi kehendak semasa masyarakat. Bagi agama Buddha dan Hindu, fungsi rumah ibadat seperti tokong dan kuil semakin meluas, terutamanya semasa pemerintahan dinasti, yang turut memberi perhatian kepada kebajikan masyarakat.

Kesan daripada hubungan ini, kehadiran masyarakat ke rumah ibadat bukan hanya untuk beribadat semata-mata, tetapi juga kerana fungsi rumah ibadat yang menyediakan pelbagai keperluan sosial, yang mengukuhkan lagi hubungan antara rumah ibadat dan masyarakat. Oleh itu, kajian ini merumuskan bahawa agama, melalui rumah ibadat, berperanan penting dalam memartabatkan kebajikan masyarakat. Seajar dengan usaha merealisasikan SDGs, yang membawa cabaran global hari ini, peranan rumah ibadat mesti diteliti dalam kerangka agama yang lebih holistik, praktikal, dan komprehensif. Namun, tindakan ini tetap tertakluk kepada kepercayaan beragama dan inisiatif rumah ibadat masing-masing untuk memenuhi keperluan semasa masyarakat.

Penghargaan

Penulis merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) atas dana yang diperuntukkan menerusi Skim Penyelidikan Geran Fundamental (FRGS): FRGS/1/2022/SSI13/USM/02/10.

Rujukan

- Abd Somad. *Hukum Islam: Penormaan Prinsip Syari'ah dalam Hukum Indonesia*. Jakarta: Kencana, 2017.
- Abd. Muthalib, Abdul Razak, Mohd Khairil & Ezry Fahmy. "Isu dan Cabaran Institusi Masjid dalam Pembentukan Sahsiah Remaja di Era Globalisasi dan Cadangan Penyelesaiannya." In Seminar Kebangsaan Pengajian dan Pembelajaran Berteraskan Masjid, 2010.
- Abdul Rahman Ahmad Dahlan, et al.. *A Journey of Ta'awun (Cooperative Behaviour) in Edu-Action at IIUM Kitchen and Masjid al-Syakirin Gombak (MASG)* (Gombak: MESO Publishing, 2021).
- Abhiniko. "Dana." In *Nirkala, Mangala 15*. Thailand: LPD Publisher, 1992.
- Appadurai, Arjun. "Kings, Sects and Temples in South India, 1350-1700 AD." *The Indian Economic & Social History Review* 14(1) (1977): 47-73.
- Ariyaratne, Ahangamage T.. "The Role of Buddhist Monks in Development." *World Development* 8(7-8) (1980): 587-589.
- Al-Asfahani, al-Raghib. *Mufradat fi Gharib al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Ma'rifah, 2009.
- Al-Asfahani, al-Raghib. *Qamus al-Qur'an*, terj. Ahmad Zaini Dahlan. Depok: Pustaka Khazanah Fawa'id, 2017.
- Badawi, Ahmad Zaki. *Mu'jam Mustalahat al-'Ulum al-Ijtima'iyyah*. Beirut: Maktabah Lubnan, New Impression, 1986.
- Badcock, Gary D.. "The Concept of Love: Divine and Human." In *Nothing Greater, Nothing Better: Theological Essays on the Love of God*, ed. Vanhoozer, Kevin John: 30-46. Grand Rapids, MI: Eerdmans, 2001.

- Benedict XVI. *Encyclical Deus Caritas Est (DCE)*, 25 Dis 2005, no. 31, https://www.vatican.va/content/benedict-xvi/en/encyclicals/documents/hf_ben-xvi_enc_20051225_deus-caritas-est.html.
- Bikkhu Bodhi ed.. *The Middle Length Discourse of the Buddha*, terj. Bikkhu Nanamoli. Kandy: Buddhist Publication Society, 1995.
- Bikkhu Thanissaro, terj.. *Sangaha Sutta: The Bonds of Fellowship (Anguttara Nikaya, iv.32)*, Access to Insight, 1997.
<https://www.accesstoinsight.org/tipitaka/an/an04/an04.032.than.html>.
- Boorse, Dorothy F. & Jablonski, Leanne M.. "Strengthening Partnerships for the Sustainable Development Goals: Engaging Faith-Based Organizations and Scientists in Youth Climate Change Learning and Action." *Sustainable Earth Reviews* 7(1) (2024): 7.
- Bowker, John, ed.. "Dharma." In *The Concise Oxford Dictionary of World Religions*. Oxford University Press, 2005.
- Brown, Peter. *Poverty and Leadership in the Later Roman Empire*. Hanover, New Hampshire: Brandeis University Press, 2002.
- Buitenen, Van. "Dharma and Moksa." *Philosophy East and West* 7(1/2) (1957): 33-40.
- Al-Bukhari, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il. *Al-Jami' al-Sahih al-Musnad min Hadith al-Rasul Salla Allah 'alayh wa Sallam wa Sunanah wa Ayyamih*, tahqiq Muhibb al-Din al-Khatib et al.. Kaherah: Dar al-Salafiyyah, 1980.
- Al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan. *Sirah Nabawiyah. Kajian Mendalam Manhaj Gerakan Islam pada Masa Rasulullah s.a.w.*, terj. Aunur Rafiq Shaleh Tamhid. Selangor: Pustaka Dini, 2006.

- Bykov, A. A.. "The Origin of Christian Charity," *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 166 (2015): 609-615.
- Choun, Sarint. *Sangaha Vatthu: Four Principles of Service*. Cambodia: t.p., 2016.
- Cordes, Paul J.. *Help Bringers Don't Fall from the Sky. Caritas and Spirituality*. Kielce: Wydawnictwo Jedność, 2009.
- Daizokyo, Taisho, terj.. *Tipitaka: Japanese Edition of the Chinese Buddhist Canon*. t.t.: t.p.: 1924.
- Dalal, Roshen. *The Vedas: An Introduction to Hinduism's Sacred Texts*. United Kingdom: Penguin, 2014.
- Dalgado, Sebastiao Rodolfo. *Portuguese Vocables in Asiatic Languages*. New Delhi: Asian Educational Services, 1988.
- Davids, Thomas William Rhys & Stede, William, eds.. *Pali English Dictionary*. London: Pali Text Society, 2017.
- De Oliveira, Renato Lima. "Differences between Welfare Support, Philanthropy and Charity." International Confederation of the Society of St. Vincent de Paul, 2019. <https://www.ssvpglobal.org/wp-content/uploads/2020/06/4.-Differences-between-Welfare-support-Philanthropy-and-Charity.pdf>.
- De Silva, L. terj.. *Dighanikayatthakatha tika Linatthavannana*. London: Pali Text Society, 1970.
- Deussen, Paul. *The Philosophy of the Upanishads*. Delhi: Motilal Banarsidass, 2011.
- Dharmasiri, Kandarapangue. *The Sigalovada in Pictures, A Pictorial Presentation of the Advice to Sigala*. Australia: Buddha Dharma Education Association Inc., 1995.
- Dirks, Nicholas B.. "Honor, Merit and Prosperity: From Ritual as Gift-Giving to Gift-Giving as Ritual in Early South Indian Kingship" Master Diss, University of Michigan, 1975.

- Dong, Yung. "An Overview of Social Well-being in Humanistic Buddhism." *Hsi Lai Journal of Humanistic Buddhism* 5 (2004): 468-480.
- Dunaetz, David R.. "Christian Cooperation and Ministry Effectiveness: Insights and Applications from Empirical Research in Group Processes." *Dharma Deepika: A South Asian Journal of Missiological Research* 14(2) (2010): 17-26.
- Ermolina, Y. "The Principles of Charity in the Early Church." *Religion in Ukraine*, 2014, <http://www.religion.in.ua/main/history/>.
- Feinberg, Charles L., "Tithe." In *The Zondervan Encyclopedia of the Bible*, ed. Tenney, Merrill C. & Moses Silva. Grand Rapids: Zondervan, 2009, 756-758.
- Frank, John Timothy. "Cooperation: Churches Working Together Through The Local Baptist Association For Maximum Kingdom Ministry" PhD Thesis, Liberty University, 2012.
- Ghosh, Yashomati & Anirban Chakraborty. "Secularism, Multiculturalism and Legal Pluralism: A Comparative Analysis Between the Indian and Western Constitutional Philosophy." *Asian Journal of Legal Education* 7(1) (2020): 73-81.
- Hacker, Paul. "Dharma in Hinduism." *Journal of Indian Philosophy* 34(5) (2006): 479-496.
- Hamid, Habiba, et al.. "MyMosqueNet2Cloud Collaborative System: A Network of Mosques towards Eradicating Poverty in Malaysia." *American Academic & Scholarly Research Journal* 5(5) (2013): 169-179.
- Harrison, Roland Kenneth. "Church." In *Evangelical Dictionary of Biblical Theology*. Grand Rapids: Baker Books, 1996.
- Harvey, Andrew. *Teachings of the Hindu Mystics*. Boulder: Boulder Shambhala Center, 2001.
- Hoch, Carl B.. *All Things New*. Grand Rapids, MI: Baker, 1995.

- Ibn Manzur, Abu al-Fadl Jamal al-Din Muhammad Makram. *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar al-Fikr, 1956.
- Ibrahim, Barbara & Dina H. Sherif, eds.. *From Charity to Social Change: Trends in Arab Philanthropy*. Kaherah: American Univ in Cairo Press, 2008.
- Jamal, Ahmad et al.. "Motivations to Donate: Exploring the Role of Religiousness in Charitable Donations." *Journal of Business Research* 103 (2019): 319-327.
- Janglon, Urai. *Application of Sangahavathu 4 in Working among Head Nurses and Registered Nurses in Regional Hospitals*. Southern Thailand: Songkla University, 2005.
- Al-Jawziyyah, Ibn Qayyim. *Zad al-Ma'ad Hady Khayr al-'Ibad*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 1998.
- John Vinton Potts. *Christian Co-operation*. Dayton, Ohio: United Brethren Publishing House, 1874.
- Johnson, Luke Timothy. *Sacra Pagina: The Gospel of Luke*. Collegeville, Pennsylvania: Liturgical Press, 1991.
- Junaidi, Juliyanah, Latifah Abdul Majid & Mohd Arif Nazri. "Revisiting Social Justice: Exploring the Quranic Paradigm in Addressing Contemporary Challenges." *Afkar: Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam* 25(2) (2023): 153-192.
- Kulshreshtha, Salila. "Introduction to Temples and Rituals." In *The Routledge Handbook of Hindu Temples, Materiality, Social History and Practice*, ed., Himanshu Prabha Ray et al. London: Routledge, 2023.
- Lagasse, Paul ed.. "Dharma." In *The Columbia Encyclopedia*. Gale: Columbia University Press, 2013.
- Limiady, Rudi Ananda. *Mengapa Berdana*. Klaten, Indonesia: Wisma Sambodhi, 2003.
- Lingat, Robert. *The Classical Law of India*. Berkeley: University of California, 1973.
- Lowe, Stephen D. & Mary E. Lowe. "Allēlōn: Reciprocal Commands and Christian Development." *Christian Education Journal* 7(2) (2010): 281-298.

- Mahmud, 'Ali Abd. Halim. *Al-Masajid wa Atharuh fi al-Mujtama' al Islami*. Kaherah: Dar al Ma'arif. 1979.
- Majma‘ al-Lughah al-‘Arabiyyah. *Al-Mu'jam al-Wasit*. Kaherah: Maktabah al-Shaq wa al-Dauliyyah, 2004.
- Al-Marbawi, Muhammad Idris 'Abd. Rauf. *Qamus Idris al-Marbawi*. Kaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladih, 1929.
- Al-Mawardi, Abu al-Hasan 'Ali ibn Muhammad. *Al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayah ad-Diniyyah*. Kaherah: Dar al-Hadith, 2006.
- Al-Mawardi, 'Ali Muhammad Habib. *Al-Nuqat wa al-'Uyun: Tafsir al Mawardi*. Beirut: Dar Kutub 'Ilmiyyah, 1992.
- Matthew Mitchell. "Borrowing from the Buddha Buddhist Temples as Financial Centers in Premodern East Asia." *Education About Asia* 24(2) (2019): 51-54.
- Menn, Jonathan M. *The Church: Its Nature, Mission, and Purpose*. Appleton: Equipping church leaders-East Africa, 2021.
- Michell, George. *The Hindu Temple: An Introduction to Its Meaning and Forms*. Chicago: University of Chicago Press, 1977.
- Mohd Nazmi Mohd Khalli & Mohd Farid Mohd Sharif. "Masjid-based Disaster Management: How Masjids in Malaysia Support the Needy." *Pertanika: Journal of Social Sciences & Humanities* 32(4) (2024): 29-46.
- Mu'jam al-Ma'ani*, almaany.com.
- Mustafa Daud. *Pengantar Masyarakat Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.
- Nakalinkam, A. S.. *Inthumatha Unmaigal (Kebenaran Agama Hindu)*. Sungai Siput: Penerbit Kalasalai, 1978.
- Narendranath, Ranee. *Garis Panduan Kuil Hindu dan Kebangsaan*. Kedah: MVS Win Trading, 2017.
- Noranit, Setabutr. *Buddhism in Thailand*. Bangkok: The World Buddhist University, 2002.

- Nyanatiloka. *Buddhist Dictionary, Manual of Buddhist Terms and Doctrines*. Chiang Mai: t.p., 2007.
- Patel, Kamlesh C.. *Fundamentals of Sanatana-Dharma: The Eternal Religion*. India: ISKCON Desire Tree, 2018.
- Pecenko, P., ed., terj.. *Anguttara-nikaaya-tika, (Subcommentary), (Saratthamanjusa)*. Oxford: Pali Text Society, 1998.
- Philip, Whitehead Goetz. *The New Encyclopedia Britannica*. London: Encyclopedia Britannica Inc. 1985.
- Poe, Marry Anne. "Good News for the Poor: Christian Influence on Social Welfare." In *Christianity and Social Work*, ed. Hugen, B. & Scales, T. L.. Botsford, Connecticut: NACSW, 2008, 105-118.
- Przygoda, Wieslaw. "The Mercy of God as the Foundation of Charity of the Church." *Diacovensia: teološki prilozi* 27(4) (2019): 637-651.
- Przygoda, Wieslaw. *Charitable Service of the Church in Poland*. Lublin: Wydawnictwo, 2004.
- Al-Qaradawi, Yusuf. *Al-'Ibadah fi Islam*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 1985.
- Al-Qaradawi, Yusuf. *Al-Dawabit al-Shar'iyyah li Bina' al-Masajid*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 1999.
- Al-Qaradawi, Yusuf. *Fiqh al-Zakah: Dirasah Muqaranah li Ahkamiha wa Falsafatiha Daw' al-Qur'an wa al-Sunnah*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 2000.
- Al-Qaradawi, Yusuf. *Huda al-Islam: Fatawa al-Mu'asarah*. Kuwait: Dar al-Qalam, 1990.
- Al-Qaradawi, Yusuf. *Kedudukan Non-Muslim Dalam Negara Islam*, terj., Mat Saat Abd Rahman. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwah Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1985.
- Al-Qurtubi, Abu 'Abd Allah Muhammad ibn Ahmad Abu Bakr al-Ansari. *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. Kaherah: Dar al-Hadith, 2002.
- Radhakrishnan. *Hindu Dharma; Pandangan Hidup Hindu*. Denpasar: PT Pustaka Manukgeni, 2002.

- Raju, K.V., Manasi, S., Shruti, M.S. & Latha N.. "Anna-daan, Food Charity in Hinduism, An Exploration." In *Anna-daan, Food Charity in India*, ed., K.V. Raju & S. Manasi. Routledge, 2024, 99-118.
- Al-Salus, 'Ali Ahmad. *Mawsu'ah Qadaya Islamiyyah Mu'asirah wa al-Iqtisad al-Islami*. Qatar: Dar al-Thaqafah, 2013.
- Schliesser, Christine. "Religion Matters: Religion and the Sustainable Development Goals (SDGs)." *Religions* 15(3) (2024): 1.
- Al-Shatibi, Ibrahim ibn Musa al-Lakhmi. *Al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2004.
- Sharifah Norhafiza Syed Ibrahim et al.. "Good Governance Practiced by the Malaysian Mosque Committees in Managing Mutual Benevolence: Member's Perception." *Journal of Fatwa Management and Research* 26(2) (2021): 50-62.
- Sheikhi, Rahim Ali, et al.. "Role of Religious Institutions in Disaster Risk Management: A Systematic Review." *Disaster Medicine and Public Health Preparedness* 15(2) (2021): 239-254.
- Shou, Wei. *Northern Qi*. Beijing: Zhonghua shuju, 1974.
- Spencer, George W.. "Religious Networks and Royal Influence in Eleventh Century South India." *Journal of the Economic and Social History of the Orient* 12(1) (1969): 42-56.
- Al-Tirmidhi, Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa. *Al-Jami' al-Sahih wa huwa Sunan al-Tirmidhi*, tahqiq, Ahmad Muhammad Shakir. Kaherah: Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladih, 1987.
- Tomalin, Emma, Jörg Haustein & Shabaana Kidy. "Religion and The Sustainable Development Goals." *The Review of Faith & International Affairs* 17(2) (2019): 102-118.

- Tsele, M.. "The Role of Christian Faith in Development." In *Faith in Development: Partnership Between the World Bank and the Churches of Africa*, ed. D. Belshaw, R. Calderisi and C. Sugden. Oxford: Regnum, 2001, 203-218.
- Tsugunari, Kubo & Akira, Yuyama, terj.. *The Lotus Sutra*. Berkeley: Numata Center for Buddhist Translation and Research, 2007.
- Al-Wa'i, Tawfiq. *Da'wah ila Allah*. Kaherah: Dar al-Yaqin, 1995.
- World Population Review 2020*, <https://worldpopulationreview.com/country-rankings/religion-by-country>.
- Zaleha Maembong. "Ta'awun Piagam Madinah dalam Pembangunan Komuniti Majmuk di Kawasan Rukun Tetangga Timur Laut dan Barat Daya, Pulau Pinang" Tesis PhD: Universiti Sains Malaysia, 2016.
- Al-Zarqa', Mustafa. *Al-Madkhal al-Fiqh al-'Am*. Damsyik: Dar al-Qalam, 1998.
- "Acta Apostolicae Sedis," vol. 58, Acta Pauli PP. VI, 1966, 1099, no. 76, <https://www.vatican.va/archive/aas/documents/AAS-58-1966-ocr.pdf>.
- "Kovil," Wisdom Library. <https://www.wisdomlib.org/definition/kovil>.
- "Pontificium Consilium Cor Unum," Acts of the World Conference on Charity, Vatican: New Synod Hall, 23-24 January 2006. Rome: Vatican, 2007.